

KUTKM hantar kakitangan kesan pelajar berkempen

Archival News | Utusan Malaysia | 10/07/2002

MELAKA 9 Julai _ Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan menghantar seramai 10 kakitangan ke Pendang dan Anak Bukit di Kedah mulai esok, bagi mengesan pelajar universiti itu yang terlibat dalam kempen politik pada pilihan raya kecil kedua-dua kawasan berkenaan.

Rektor KUTKM, Datuk Prof. Dr. Mohd. Ruddin Ab. Ghani berkata, langkah tersebut adalah bagi membantu memastikan keberkesanan usaha membendung pelajar daripada terlibat dalam kempen pada kedua-dua pilihan raya kecil itu.

Menurutnya, tindakan KUTKM menghantar bilangan kakitangan yang ramai ke kawasan itu dibuat kerana kawasan pilihan raya itu agak luas yang tentunya memerlukan tambahan tenaga untuk tujuan tersebut.

``Kakitangan kita akan berada di sana mulai hari penamaan calon hingga hari mengundi pada 18 Julai ini,' 'katanya di sini, hari ini.

Ahad lalu, Setiausaha Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad berkata, IPTA perlu menghantar lebih ramai kakitangan ke Pendang dan Anak Bukit di Kedah bagi memastikan keberkesanan usaha membendung pelajar daripada terlibat dalam kempen pilihan raya kecil di kedua-dua kawasan itu.

(Source : Utusan Malaysia)